



KOLEKSI PERIBAHASA
CHINA TERINDAH

Penyusun
Goh Sang Seong



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

KOLEKSI PERIBAHASA CHINA TERINDAH

Penyusun

GOH SANG SEONG

PENERBIT
USM

PENERBIT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG

PUSTAKA PERDANA



1010638

Pengedar:

Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Bhd.,
Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang
Malaysia

MPH Distributors Sdn. Bhd.

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2014

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Goh Sang Seong

Koleksi peribahasa China terindah / Penyusun Goh Sang Seong.

Mengandungi indeks

Bibliografi: m.s. 413

ISBN 978-983-861-826-7 (kulit keras)

ISBN 978-983-861-827-4 (kulit lembut)

1. Proverbs, Chinese. 2. Maxims, Chinese.

I. Goh, Sang Seong.

398.9951 PN6519.C5

Muka taip teks: Minion Pro

Editor Naskhah: Nur Naimah Jaafar

Pereka Bentuk Kulit Buku: Ahmad Fitri Ramli

Pembaca Pruf: Aida Izana Yaakub

Pengatur Huruf: Rosni Habib

Diterbitkan oleh Penerbit Universiti Sains Malaysia (Universiti Sains Malaysia Press),
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia.

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

Dicetak oleh Sinaran Bros. Sdn. Bhd., 389 Lebu Chulia, 10200 Pulau Pinang, Malaysia.

398.9951

KANDUNGAN

Prakata	vii
Pengenalan	ix
Peribahasa China Terindah A-Z	1-411
Bibliografi	413
Indeks	415



PRAKATA

Koleksi Peribahasa China Terindah memuatkan 2,500 peribahasa China terpilih (termasuk daripada kaum minoriti China) yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, khusus untuk tatapan dan renungan pembaca yang berbahasa Melayu. Peribahasa China terpilih ini merangkumi pelbagai tema yang memberikan peringatan dan pengajaran tentang kehidupan dan penghidupan seharian.

Menurut kata-kata mutiara China, "daripada tiga orang yang berjalan bersama, mesti ada seorang yang boleh dijadikan guru". Belajar itu hendaklah daripada orang yang berilmu. Justeru, proses belajar itu merentasi sempadan bahasa dan budaya. Setiap bahasa mempunyai khazanah ilmunya yang tersendiri. Oleh itu, terjemahan membantu kita menerokai rimba ilmu bahasa lain. Tanpa bahasa, kebijaksanaan sesuatu bangsa tidak mungkin terungkap dan diwarisi. Melalui penggunaan dan susunan kata yang indah seperti peribahasa, kebijaksanaan yang diperoleh daripada pengamatan dan pengalaman dalam kehidupan seharian berjaya dizahirkan. Penterjemahan membolehkan kebijaksanaan ini dipindahkan daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain. Dengan ini, diharapkan agar pembaca dan pengguna mendapat manfaat yang sewajarnya daripada pengisian koleksi ini, khususnya membuka mata dalam banyak hal tentang kehidupan dan penghidupan, di samping berpeluang mengenali aksara dan sebutan bahasa China.

Melalui koleksi ini, pengguna dapat mendekati dunia pemikiran dan sosiobudaya masyarakat China, sekali gus memanfaatkan kebijaksanaan dan falsafah yang tersirat dalam peribahasa ini dalam segenap aspek kehidupan seharian. Lebih-lebih lagi, koleksi ini dapat membantu pengguna memperkaya gaya penulisan dan pengucapan serta mempertajam daya pemikiran. Koleksi ini sesuai

digunakan oleh pelajar, pengajar, pendidik, pengkaji bahasa, penterjemah, pengarang, ahli politik dan sesiapa sahaja yang mahukan kepelbagaian dalam bahasa dan kebahasaan.

Koleksi ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian tentang penterjemahan peribahasa Melayu-Cina di bawah tajaan geran penyelidikan jangka pendek (304/PHUMANITI/639024) Universiti Sains Malaysia (USM). Dengan itu, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak USM. Pada masa yang sama, penyusun juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Puan Ainon Muhammad yang telah memberikan ilham bagi penyusunan koleksi ini. Ucapan terima kasih turut dirakamkan kepada semua pembantu pelajar projek ini yang terdiri daripada siswa-siswi program Sarjana Muda Sastera (Terjemahan dan Interpretasi), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Cik Boh Phaik Ean yang telah banyak membantu dalam projek ini.

Sesungguhnya kesempurnaan itu hanya ada pada Tuhan. Suatu hal yang pasti, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam koleksi ini demi manfaat semua pihak. Lantaran itu, sebarang maklum balas yang membina amat dialu-alukan. Kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan.

Sekian, selamat membaca dan terima kasih.

Goh Sang Seong
Kampus Sejahtera
Januari 2014
gohss@usm.my

PENGENALAN

Koleksi peribahasa China ini disusun mengikut urutan abjad bahasa Melayu. Setiap lema terdiri daripada terjemahan peribahasa China kepada bahasa Melayu yang dicetak dalam huruf tebal, peribahasa China asal dalam aksara China, cara sebutan setiap aksara China mengikut sebutan baku bahasa China (*han yu pin yin*), dan baris terakhir merupakan makna peribahasa berkenaan dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh:

Emas ribuan masakan dapat beli keamanan sebuah dunia.

千金难买天下稳

qiān jīn nán mǎi tiān xià wěn

Keamanan masyarakat tidak dapat dibeli dengan wang.

Kaedah penterjemahan literal, iaitu penterjemahan yang lebih cenderung mengekalkan bentuk asal teks sumber di samping memelihara nahu bahasa sasaran dimanfaatkan supaya lambang dalam peribahasa China dapat dikekalkan dalam bahasa Melayu. Hal ini demikian supaya makna yang didukung oleh setiap lambang dalam peribahasa China dapat dihayati oleh pembaca sasaran dan juga boleh dijadikan sebagai data kajian dalam penyelidikan tentang perbandingan lambang peribahasa China-Melayu. Sebagai contoh, lambang burung gagak dalam peribahasa 到处乌鸦一般黑 (*dào chù wū yā yì bān hēi*) dikekalkan dalam terjemahannya menjadi "**gagak** mana tidak hitam". Walau bagaimanapun, bagi peribahasa yang ada kekangan sosiobudaya dan linguistik, kaedah penterjemahan semantik, iaitu penterjemahan yang lebih cenderung untuk mengekalkan makna dan mesej asal teks sumber digunakan. Sebagai contoh, 不经一翻寒彻骨，哪有梅花扑鼻香 (*bù jīng yī fān hán chè gǔ, nǎ yǒu méi huā pū bí xiāng*) yang mengandungi unsur budaya ekologi, iaitu sejenis bunga yang mekar pada musim

bunga setelah menahan kedinginan musim sejuk diterjemahkan menjadi "masakan dapat kesenangan kalau tidak melalui kesusahan".

Makna setiap peribahasa sengaja diterangkan secara mudah dan ringkas untuk memudahkan pemahaman pembacaan. Tambahan pula, koleksi ini bertujuan memperkenalkan alam pemikiran dan sosiobudaya China melalui peribahasa China dan bukannya sebagai kamus atau ensiklopedia rujukan peribahasa China. Satu teks dalam bahasa sumber boleh diterjemahkan kepada beberapa versi yang berlainan dalam bahasa sasaran. Hal ini turut berlaku dalam koleksi ini. Terdapat aksara bahasa Cina yang serupa, tetapi diberikan padanan yang berbeza-beza dalam masukan peribahasa yang berlainan. Kepelbagaian padanan sedemikian diharapkan dapat memperkaya variasi terjemahan yang dihasilkan.

A



Abang sulung bagaikan ayah, kakak ipar sulung bagaikan ibu.

长兄为父，长嫂为娘

zhǎng xiōng wéi fù, zhǎng sāo wéi niáng

Melayani abang dan kakak ipar sulung seperti melayani ibu bapa sendiri.

Ada baiknya mempunyai kemahiran, ada gunanya memiliki peralatan.

人多一技有益，物裕一备有用

rén duō yí jì yǒu yì, wù yù yí bèi yǒu yòng

Lebih banyak ilmu, lebih senang hidup kita.

Ada bakat ke mana pun ada rezeki.

一招鲜，吃遍天

yì zhāo xiǎn, chī biàn tiān

Orang yang ada bakat tidak susah mencari rezeki.

Ada benih ada akar, tiada benih tidak tumbuh.

有种有根，无种不生

yǒu zhǒng yǒu gēn, wú zhǒng bù shēng

Mengikut jejak ibu bapa.

Ada bubur makan bubur, ada nasi makan nasi.

有粥吃粥，有饭吃饭

yǒu zhōu chī zhōu, yǒu fàn chī fàn

Tidak tamak dan bersyukur dengan rezeki yang ada.



Ada bukit mesti ada air, ada orang mesti ada hantu.

有山必有水，有人必有鬼。

yǒu shān bì yǒu shuǐ, yǒu rén bì yǒu guǐ

Manusia itu pelbagai ragam.

Ada bukit tiada air, ada air tiada pokok.

有山无水，有水无木

yǒu shān wú shuǐ, yǒu shuǐ wú mù

Berlagak macam orang berpangkat tinggi.

Ada duit berikan duit, tiada duit berikan tenaga.

有银用银，无银用力

yǒu yín yòng yín, wú yín yòng lì

Membantu orang susah tidak kira apa cara sekalipun.

Ada gigi tiada emping, ada emping tiada gigi.

有牙没烙饼，有烙饼没牙

yǒu yá méi lào bǐng, yǒu lào bǐng méi yá

Keinginan yang tidak tercapai kerana ada sahaja halangannya.

Ada harta sama dinikmati, ada kuda sama ditunggangi.

有财同享，有马同骑

yǒu cái tóng xiǎng, yǒu mǎ tóng qí

Persahabatan yang sangat akrab.

Ada hati, batu jadi bata; tiada hati, batu tetap batu.

有心打石石成砖，无心打石石原原

yǒu xīn dǎ shí shí chéng zhuān, wú xīn dǎ shí shí yuán yuán


Kesungguhan akan membuahkan hasil.

Ada jodoh akan ketemu di mana-mana jua.

有缘何处不相逢

yǒu yuán hé chù bù xiāng féng

Jodoh akan menemukan dua orang tidak kira apa-apa pun halangan.





**Ada kain tiada gunting, perca tidak jadi; ada gunting
tiada jarum, baju tidak jadi.**

有布无剪刀，裁不成布料；有剪刀无针线，缝不成衣服
*yǒu bù wú jiǎn dāo, cái bù chéng bù liào; yǒu jiǎn dāo wú
zhēn xiàn, féng bù chéng yī fu*

Tidak cukup syarat.

Ada kayu reput di pokok besar.

树大有枯枝

shù dà yǒu kū zhī

Dalam kumpulan orang baik akan wujud orang jahat juga.

Ada kereta ada runut, ada pokok ada bayang.

有车就有辙，有树就有影

yǒu chē jiù yǒu zhé, yǒu shù jiù yǒu yǐng

Setiap kerja akan meninggalkan kesannya.

Ada khabar ada sebabnya, ada rumput ada akarnya.

是话就有因，是草就有根

shì huà jiù yǒu yīn, shì cǎo jiù yǒu gēn

Setiap yang berlaku mesti ada sebabnya.

**Ada langit yang tidak dapat sampai, tiada halangan yang tidak
dapat diatasi.**

有上不去的天，没过不去的关

yǒu shàng bú qù de tiān, méi guò bú qù de guān


Semua masalah dapat diatasi.


**Ada masa merak emas bertukar bulu, ada masa orang bijak
berbuat salah.**

金丝雀有换羽毛的时候，聪明人有办错事情的时候

*jīn sī què yǒu huàn yǔ máo de shí hou, cōng míng rén yǒu bàn cuò shì qing
de shí hou*

Setiap perkara pasti ada kekurangannya.





Ada mata tetapi tidak kenal emas dan jod, lantas emas dikatakan tembaga.

有眼不识金和玉，直把黄金当碎铜

yǒu yǎn bù shí jīn hé yù, zhí bǎ huáng jīn dāng suì tóng

Tidak mengetahui keadaan yang sebenarnya kerana silap perhitungan.

Ada mulut tetapi tidak dapat berkata-kata.

有嘴说不出话来

yǒu zuǐ shuō bù chū huà lái

Perkara yang sukar dilafazkan.

Ada mulut untuk makan, tetapi tiada kerongkong untuk menelan.

有嘴巴吃，没喉咙吞

yǒu zuǐ ba chī, méi hóu lóng tūn

Impian yang tidak dapat direalisasikan.

Ada mulut untuk makan, tetapi tiada usus untuk hadam.

有吃食的嘴，无消化的胃

yǒu chī shí de zuǐ, wú xiāo huà de wèi

Kurang berupaya untuk melaksanakan atau menyelesaikan sesuatu perkara atau pekerjaan.

Ada nasi makan bersama, tiada nasi lapar bersama.

有饭大家吃，无饭大家饿

yǒu fàn dà jiā chī, wú fàn dà jiā è

Yang baik dan yang buruk akan ditanggung bersama.

Ada nasi tidak kisah makan, ada tempat tidak kisah jauh.

有饭不嫌吃，有地不嫌远

yǒu fàn bù xián chī, yǒu dì bù xián yuǎn

Tidak memilih sangat.



Ada pinjam ada pulang, pinjam lagi tidak susah.

有借有还，再借不难

yǒu jiè yǒu huán, zài jiè bù nán

Hutang perlu dibayar.



Ada rua tetapi hendak berjalan di permatang, ada kayu kering tetapi hendak membakar kayu basah.

大路不走走田埂，干柴不烧烧湿柴

dà lù bù zǒu zǒu tián gěng, gān chái bù shāo shāo shī chái

Menyusahkan diri sendiri.

Ada semangat tiada bakat, jaya itu separuh; ada bakat tiada semangat, kerja itu sia-sia; ada bakat ada semangat, jaya itu penuh.

无才有志，成全半事；有才无志，白头了事；有才有志，做得大事

wú cái yǒu zhì, chéng quán bàn shì; yǒu cái wú zhì, bái tóu liǎo shì; yǒu cái yǒu zhì, zuò de dà shì

Orang yang ingin berjaya mesti ada kebijaksanaan dan kebolehan.

Ada bedak bubuk pada muka, ada wang guna dengan mata.

有粉擦在脸上，有钱花在眼上

yǒu fěn cā zài liǎn shàng, yǒu qián huā zài yǎn shàng

Berbelanja secara berhemah dan bijak.

Ada telinga di sebelah dinding, ada mata di sebelah belakang.

隔墙有耳，背后有眼

gé qiáng yǒu ěr, bèi hòu yǒu yǎn



Berhati-hati ketika memperkatakan sesuatu.

Ada tuah sama dikongsi, ada bala sama digalas.

有福同享，有难同当

yǒu fú tóng xiǎng, yǒu nàn tóng dāng

Baik dan buruk sama-sama dipikul.



Ada umpan dapat ikan.

香饵之下，必有悬鱼

xiāng ěr zhī xià, bì yǒu xuán yú

Pulangan yang lumayan akan menarik minat orang untuk berusaha gigih.

Ada waktu tuah ketika miskin, ada waktu malang ketika kaya.

穷有好时，富有倒时

qióng yǒu hǎo shí, fù yǒu dǎo shí

Nasib sentiasa berubah.

Ada wang jadi naga, tidak ada wang jadi ulat.

有钱一条龙，无钱一条虫

yǒu qián yì tiáo lóng, wú qián yì tiáo chóng

Orang kaya boleh melakukan macam-macam, tetapi tidak bagi orang yang tidak berharta.

Ada wang, ada kuasa, maka ada kebenaran.

有钱有势就有理

yǒu qián yǒu shì jiù yǒu lǐ

Tidak ada keadilan.

Ada wang, hidup; tiada wang, mati.

有钱者生，无钱者死

yǒu qián zhě shēng, wú qián zhě sǐ


Wang sangat penting kerana kalau tidak ada wang, tiada perkara yang dapat dilakukan.

Adik-beradik boleh lawan harimau, anak-beranak boleh berkas beruang.

亲兄弟能打虎，亲父子能擒熊

qīn xiōng dì néng dǎ hǔ, qīn fù qīn zǐ néng qín xióng

Ahli keluarga menjadi kuat kalau sentiasa bersatu dan berusaha bersama-sama.





Adik-beradik sehati, tanah pun boleh jadi emas.

弟兄三人一条心，黄土也能变成金

dì xiong sān rén yì tiáo xīn, huáng tǔ yě néng biàn chéng jīn

Berkat kerjasama pasti beroleh kejayaan.



Adil tidak adil, Tuhan yang tahu.

公道不公道，自有天知道

gōng dào bù gōng dào, zì yǒu tiān zhī dào

Hukuman yang kurang adil; berat sebelah.

Air ada asalnya, penyakit ada puncanya.

水有源，病有根

shuǐ yǒu yuán, bìng yǒu gēn

Setiap masalah ada puncanya.

Air ada matanya, pokok ada akarnya.

水有源，树有根

shuǐ yǒu yuán, shù yǒu gēn

Setiap orang atau benda ada asal-usulnya.

Air ada pasang mesti ada surut.

落潮总有涨潮日

luò cháo zǒng yǒu zhǎng cháo rì

Kesenangan datang selepas kesusahan.

Air baik jangan dibiarkan mengalir ke bendang orang.

肥水不落外人田

fēi shuǐ bú luò wài rén tián


Kebaikan jangan diberikan kepada pihak yang tidak berkaitan.

Air bantu ikan, ikan bantu air.

水帮鱼，鱼帮水

shuǐ bāng yú, yú bāng shuǐ

Saling menolong.





Air datang ada matanya, air pergi ada jalannya.

来有来源，去有去路

lái yǒu lái yuán, qù yǒu qù lù

Masalah dapat ditangani dengan mencari puncanya.

Air deras empangan boleh runtuh, api marak orang boleh sewel.

水势猛会冲垮堤坝，火气大会失去自制

shuǐ shì měng huì chōng kuǎ dī bà, huǒ qì dà huì shī qù zì zhì

Hilang akal apabila marah.

**Air dipukul, ikan yang sakit; besi ditempa, penukul yang sakit;
anak dirotan, hati ibu yang sakit.**

打水痛鱼身，打铁痛铁钻，打儿痛娘心

dǎ shuǐ tòng yú shēn, dǎ tiě tòng tiě zuàn, dǎ ér tòng niáng xīn

Lain yang disindir, lain pula yang terasa.

Air disimbah tidak akan dapat disambut balik.

覆水不可收

fù shuǐ bù kě shōu

Perkara yang sudah menjadi kenyataan tidak boleh ditarik balik.

Air hulu tidak jernih, air hilir tentu keruh.

水源不清，水尾就浑

shuǐ yuán bù qīng, shuǐ wěi jiù hún

Punca yang buruk, hasilnya juga buruk.

Air yang jauh masakan dapat menyelamatkan api yang dekat.

远水不救近火

yuǎn shuǐ bù jiù jìn huǒ

Bantuan yang tiba lewat.

Air liur sepanjang tiga kaki.

口水有三尺长

kǒu shuǐ yǒu sān chǐ cháng

Amat menginginkan sesuatu.



Air liur yang diludahkan masakan boleh dijilat balik.

吐口唾沫不能再舔起来

tǔ kǒu tuò mò bù néng zài tiǎn qǐ lái

Kata-kata yang sudah dilepaskan tidak boleh ditarik balik.



Air mata mengalir ke dalam perut.

眼泪往肚里流

yǎn lèi wǎng dù lǐ liú

Sangat sedih.

Air mengalir ke bawah, manusia memandang ke atas.

水朝下流, 人往上游

shuǐ cháo xià liú, rén wǎng shàng yóu

Sentiasa mahu maju.

Air mengalir ribuan batu akhirnya kembali ke laut juga.

水流千里归大海

shuǐ liú qiān lǐ guī dà hǎi

Walau ke mana juga kita pergi, akhirnya akan kembali ke negeri asal.

**Air perigi tidak berjaya mengalir ke luar, rahsia tidak boleh
disebarkan ke luar.**

井水不外流, 密事不外传

jǐng shuǐ bú wài liú, mì shì bú wài chuán

Menyimpan rahsia.

Air perigi tidak mengganggu air sungai.

井水不犯河水

jǐng shuǐ bú fàn hé shuǐ


Tidak masuk campur hal orang lain.

Air segelas masakan dapat padam api sekereta.

杯水无补于车薪

bēi shuǐ wú bǔ yú chē xīn

Bantuan yang sedikit tidak dapat menyelesaikan masalah yang besar.



Air seinci dikatakan ombak sekaki.

一尺水，百丈波

yì chǐ shuǐ, bǎi zhàng bō

Sengaja membesar-besarkan hal kecil.

Air sekaki, sampan sekaki juga.

有尺水，行尺船

yǒu chǐ shuǐ, xíng chǐ chuán

Membuat kerja mengikut kemampuan.

Air semangkuk ditatang baik.

一碗水端平

yì wǎn shuǐ duān píng

Tidak memihak mana-mana pihak.

Air sungai manis, air laut masin.

河水甜，海水咸

hé shuǐ tián, hǎi shuǐ xián

Perkara yang berlainan mempunyai sifat yang berbeza.

Air tasik memukul tebing, katak pula terkejut.

湖水拍岸，吓唬青蛙

hú shuǐ pāi àn, xià hu qīng wā

Bercakap besar tetapi tidak berkebolehan.

Air tidak ditapis tidak jernih, kata tidak dilafaz tidak jelas.

水不澄不清，话不说不明

shuǐ bù chéng bù qīng, huà bù shuō bù míng

Menerangkan sesuatu agar orang lain dapat memahaminya.

Air yang dalam tidak berkocak, air yang berkocak tidak dalam.

深水不响，响水不深

shēn shuǐ bù xiǎng, xiǎng shuǐ bù shēn

Orang yang tidak berilmu tetapi suka bercakap besar.

Air yang ditimba dari perigi dituang ke dalam sungai.

井里打水往河里倒

jǐng li dǎ shuǐ wǎng hé li dào

Pekerjaan sia-sia.

Air yang jernih akan menampakkan batu.

水清石自见

shuǐ qīng shí zì jiàn

Kebenaran akan diketahui selepas keadaan yang sebenar dijelaskan.

Air yang terlalu jernih tidak ada ikan, orang yang terlalu cerdik tidak ada kawan.

水至清则无鱼，人至察则无徒

shuǐ zhì qīng zé wú yú, rén zhì chá zé wú tú

Jangan terlalu cerewet.

Air yang tohor masakan ada ikan hidup di dalamnya.

水浅鱼不住

shuǐ qiǎn yú bú zhù

Tiada orang mahu tinggal di kawasan yang tidak selesa.

Ajak serigala masuk rumah, tanggalkan baju selamatkan api.

引狼入室，解衣救火

yǐn láng rù shì, jiě yī jiù huǒ

Cari pasal, merumitkan keadaan.

Ajal tidak mengenal usia.

黄泉路上无老少

huáng quán lù shàng wú lǎo shào

Hidup mati itu suratan takdir.





**Ajar anak lelaki, jangan dibiarkan berpisah dengan bapa;
ajar anak perempuan, jangan dibiarkan berpisah dengan ibu.**
教子之法，莫叫离父；教女之法，莫叫离母
jiāo zǐ zhī fǎ, mò jiào lí fù; jiāo nǚ zhī fǎ, mò jiào lí mǔ
Pentingnya pengaruh ibu bapa dalam pembentukan sahsiah anak.

Ajarkan boros senang, ajarkan jimat susah.
教奢易，教俭难
jiāo shē yì, jiāo jiǎn nán
Mengajar orang berjimat lebih susah daripada mengajar orang boros.

Akal dunia bermacam-macam, tiada wang tiada jadinya.
天下道理千千万，没钱不能把事办
tiān xià dào lǐ qiān qiān wàn, méi qián bù néng bǎ shì bàn
Tanpa wang, rancangan apa-apa pun tidak dapat dilaksanakan.

Akal seorang tidak setanding akal dua orang.
一人想一点，两人添一点，三人凑齐全
yì rén xiǎng yì diǎn, liǎng rén tiān yì diǎn, sān rén còu qí quán
Buah fikiran beramai-ramai lebih baik daripada buah fikiran seorang.

Akar pokok takut kena cedera, hati manusia takut kena luka.
树怕伤了根，人怕伤了心
shù pà shāng le gēn, rén pà shāng le xīn
Sakit hati sukar untuk dirawat.

Akar tidak dicabut, rumput akan tumbuh semula.
草不除根，终将复生
cǎo bù chú gēn, zhōng jiāng fù shēng
Masalah mesti diselesaikan sehingga akar umbinya.

Alangkah padahnya kalau yang perlu diputuskan tidak diputuskan.
当断不断，必受其患
dāng duàn bú duàn, bì shòu qí huàn
Terjerat dalam kesengsaraan sekiranya tidak dapat membuat keputusan.

Ambil hutang baru bayar hutang lama.

拉新账，还旧账

lā xīn zhàng, huán jiù zhàng

Berhutang untuk membayar pinjaman.

Ambil yang baik, buang yang buruk.

取其所长，弃其所短

qǔ qí suǒ chǎng, qì qí suǒ duǎn

Contohi perkara yang baik, jauhi perkara yang buruk.

Anak bagaikan hati ibu.

儿是娘心肉

ér shì niáng xīn ròu

Ibu sayang akan anaknya.

Anak burung yang bersayap lembut hendak terbang ke pokok tinggi.

小鸟翅膀软，总想攀高枝

xiǎo niǎo chì bǎng ruǎn, zǒng xiǎng pān gāo zhī

Masih kecil sudah mahu menjadi orang besar.

Anak burung yang tidak berbulu akan dijaga.

没毛鸟子天照应

méi máo niǎo zǐ tiān zhào yīng

Yang lemah harus diberi bantuan dan perlindungan.

Anak dewasa tidak terkawal oleh bapa.

儿大不由爹

ér dà bù yóu diē

Anak yang sudah dewasa mempunyai keputusannya sendiri.


Anak dewasa tidak terkawal oleh ibu.

儿大不由娘

ér dà bù yóu niáng

Anak yang sudah dewasa mempunyai keputusannya sendiri.





Anak di dalam sungai, ibu di tepi tebing.

河里孩儿岸上娘

hé li hái er àn shàng niáng

Kehilangan tempat bergantung.

Anak kena bela sendiri, bijirin kena tanam sendiri.

儿要自养，谷要自种

ér yào zì yǎng, gǔ yào zì zhòng

Setiap orang perlu bertanggungjawab terhadap perkara yang dilakukan.

Anak kuda belajar jalan dikatakan jalan sempit, anak helang belajar terbang dikatakan langit rendah

小马乍行嫌路窄，雏鹰初舞恨天低

xiǎo mǎ zhà xíng xián lù zhǎi, chú yīng chū wǔ hèn tiān dī

Orang muda yang masih mentah merungut tidak diberi peluang.

Anak lelaki berumur lapan belas semacam rumput yang ditarik tinggi.

十八岁的男儿拔节的草

shí bā suì de nán er bá jié de cǎo

Anak yang sihat, lekas besar dan tinggi.

Anak lembu yang baru lahir tidak takut harimau.

初生之犊不怕虎

chū shēng zhī dú bú pà hǔ


Orang muda berani bertindak tanpa memikirkan akibatnya.


Anak merantau, hati ibu tergantung-gantung; ibu merantau, hati anak terletak-letak.

儿出千里母挂心，母出千里儿忘恩

ér chū qiān lǐ mǔ guà xīn, mǔ chū qiān lǐ ér wàng ēn

Kasih sayang anak kepada ibu bapa tidak serupa dengan kasih sayang ibu bapa kepada anak.





Anak merantau, ibu kerisauan.

儿行千里母担忧

ér xíng qiān lǐ mǔ dān yōu

Ibu amat risau akan keselamatan anaknya.

Anak orang mati disemadikan, anak sendiri mati dibiarkan.

自己的儿子死了不埋，去埋别人的儿子

zì jǐ de ér zǐ sǐ le bù mái, qù mái bié rén de ér zǐ

Suka menyibuk hal orang lain, hal sendiri tidak dipedulikan.

Anak perempuan yang bernikah ibarat air yang disimbah.

嫁出门的女，泼出门的水

jià chū mén de nǚ, pō chū mén de shuǐ

Anak perempuan yang sudah berkahwin tidak lagi dihiraukan oleh ibu bapa.

Anak perempuan yang sudah besar ada lapan belas perubahan.

女大十八变

nǚ dà shí bā biàn

Perempuan yang meningkat dewasa akan ada banyak perubahan.

Anak perempuan yang sudah dewasa tidak boleh disimpan.

女大不中留

nǚ dà bù zhōng liú

Anak perempuan akan berkahwin dan meninggalkan keluarganya.

Anak sendiri sentiasa baik.

儿子是自己的好

ér zǐ shì zì jǐ de hǎo


Anak sendiri sentiasa dianggap baik dan benar.

Anak sepuluh orang, sembilan macam ibunya.

十个孩子九随母

shí gè hái zǐ jiǔ suí mǔ

Sikap dan kelakuan anak macam sikap dan kelakuan ibu.





Anak yang setia harga najis bagai emas.

成家之子，惜粪如金

chéng jiā zhī zǐ, xī fèn rú jīn

Anak yang berguna selalunya berjimat-cermat.

Anak yang setia pandang najis bagai harta, anak yang derhaka pandang harta bagai rumput.

成家子，粪如宝；败家子，钱如草

chéng jiā zǐ, fèn rú bǎo; bài jiā zǐ, qián rú cǎo

Anak yang berguna pandai berjimat-cermat, manakala anak yang derhaka pandai boros.

Anak tidak mengata ibunya hodoh, anjing tidak mengata tuannya miskin.

儿不嫌母丑，犬不嫌主贫

ér bù xián mǔ chǒu, quǎn bù xián zhǔ pín

Manusia dan binatang juga ada perasaan kasih sayang terhadap insan yang paling dekat dengannya.

Anak tukang besi pandai menukul, anak tukang kayu pandai mengetam.

生在铁匠家能擂锤，长在木匠家会使铎

shēng zài tiě jiàng jiā néng léi chuí, zhǎng zài mù jiàng jiā huì shǐ bēn

Latar belakang keluarga mempengaruhi kehidupan anaknya.

Angin begini, hujan pun begini.

吹什么风，落什么雨

chuī shén me fēng, luò shén me yǔ

Perubahan yang boleh dijangkakan.

Angin kencang hujan mencurah, orang cemas akal menjadi.

风急雨至，人急智生

fēng jí yǔ zhì, rén jí zhì shēng

Mendapat jalan penyelesaian pada saat-saat akhir.

Angin kuat ombak pun besar, pokok subur burung pun kerumun.

风疾而波兴，木茂而鸟集

fēng jí ér bō xīng, mù mào ér niǎo jí

Kejadian yang disebabkan oleh sesuatu keadaan.



Angin masuk telinga kuda.

东风吹马耳

dōng fēng chuī mǎ ěr

Tidak meninggalkan kesan, tidak berguna mengajar orang yang degil.

Angin menyapu tempat tinggal ketika siang, bulan menerangi tempat tidur ketika malam.

白天住的风扫地，夜晚睡的月照床

bái tiān zhù de fēng sǎo dì, yè wǎn shuì de yuè zhào chuáng

Tidak mempunyai tempat tinggal.

Angin musim bunga sehari masakan dapat mengembangkan bunga segunung.

一天的春风吹不开遍野百花

yì tiān de chūn fēng chuī bù kāi biàn yě bǎi huā

Kejayaan berlaku dengan kesungguhan dan kegigihan.

Angin sepoi-sepoi tidak masuk telinga keldai.

春风不入驴耳

chūn fēng bú rù lǘ ěr


Orang yang bebal dan degil tidak menghiraukan nasihat orang lain.

Angin tidak datang masakan pokok bergoyang; sampan tidak dikayuh masakan air jadi keruh.

风不来，树不动；船不摇，水不浑

fēng bù lái, shù bú dòng; chuán bù yáo, shuǐ bù hún

Semua yang terjadi pasti ada sebabnya.



Angin tidak lancar selalu, askar tidak menang sentiasa.

风无常顺，兵无常胜

fēng wú cháng shùn, bīng wú cháng shèng

Masalah pasti timbul dalam setiap kerja.

Angsa hilang nyawa kerana meninggalkan kolam, manusia hilang jalan kerana mengkhianati negara.

鹅离开湖泊无法生存，人背叛祖国寸步难行

é lí kāi hú pō wú fǎ shēng cún, rén bèi pàn zǔ guó cùn bù nán xíng

Jangan menderhaka pada negara.

Anjing basah diselamatkan; digitnya pula.

救了落水狗，反被咬一口

jiù le luò shuǐ gǒu, fǎn bèi yǎo yì kǒu

Melakukan sesuatu yang buruk terhadap orang yang telah membantunya.

Anjing gigit rumput adalah hari panas, kucing gigit rumput adalah hari hujan.

狗咬青草晴，猫咬青草雨

gǒu yǎo qīng cǎo qíng, māo yǎo qīng cǎo yǔ

Berwaspada dengan kejadian yang akan berlaku.

Anjing hitam yang curi makan, anjing putih yang kena hukum.

乌狗吃食，白狗当灾

wū gǒu chī shí, bái gǒu dāng zāi


Menanggung kesalahan orang lain.

Anjing hitam yang mencuri minyak, anjing putih yang dibantai.

黑狗偷了油，打了白狗头

hēi gǒu tōu le yóu, dǎ le bái gǒu tóu

Menanggung kesalahan orang.





Anjing kudis buta paling kotor, orang kurang ajar paling menjijikkan.

癞皮的狗最肮脏，无赖的人最恶心

lài pí de gǒu zuì āng zāng, wú lài de rén zuì è xīn

Orang yang pernah berbuat jahat dibenci masyarakat.

Anjing mati, kutu di badan anjing mati juga.

狗死了，附在狗身上的跳蚤也一起死

gǒu sǐ le, fù zài gǒu shēn shàng de tiào zǎo yě yì qǐ sǐ

Turut terlibat.

Anjing mengharapkan kepala kambing.

痴狗望羊头落

chī gǒu wàng yáng tóu luò

Mengharapkan sesuatu yang mustahil diperoleh.

Anjing tidak ikut, gunalah makanan; kuda tidak turut, gunalah sebatan.

狗不上前用食喂，马不上套驾鞭打

gǒu bú shàng qián yòng shí wèi, mǎ bú shàng tào jià biān dǎ

Sekiranya pujukan tidak berkesan, paksaan dilakukan.

Anjing yang lapar inginkan burung yang terbang.

饿狗想飞鸟

è gǒu xiǎng fēi niǎo

Perkara yang tidak mungkin dilakukan atau diperoleh.

Anjing yang menggigit tidak menunjukkan giginya.

咬人的狗儿不露齿

yǎo rén de gǒu er bú lù chǐ


Orang jahat berpura-pura baik.


Anjing yang tidak menyalak sahaja menggigit orang.

不出声的狗才咬人

bù chū shēng de gǒu cái yǎo rén

Orang yang melakukan kejahatan selalunya bertindak secara diam-diam.





Apa hendak dikira, semuanya takdir yang menentukan.

万事不由人计较，一生都是命安排

wàn shì bù yóu rén jì jiào, yì shēng dōu shì mìng ān pái

Tiada orang yang tahu akan nasib diri.

Apa sahaja sakit boleh dirawat kecuali sakit rindu.

百病可治，相思难医

bǎi bìng kě zhì, xiāng sī nán yī

Perihal sakit rindu-merindui antara kekasih tidak dapat dirawat.

Apa-apa pun boleh jadi makanan si gelojoh, apa-apa pun boleh jadi harta si tamak.

好吃者什么都是食，贪心者什么都是宝

hào chī zhě shén me dōu shì shí, tān xīn zhě shén me dōu shì bǎo

Orang yang tamak tidak mengendahkan baik buruk tindakannya.

Apa-apa pun hendak, akhirnya apa-apa pun tidak dapat.

什么都抓的人，什么都抓不住

shén me dōu zhuā de rén, shén me dōu zhuā bú zhù

Orang tamak tidak akan mendapat hasil.

Apa-apa pun ubat ada sukunya beracun.

凡药三分毒

fán yào sān fēn dú

Ubat mengandungi kesan sampingan.

Api besar untuk memanaskan kualiti, api kecil untuk menanak nasi.

大火开锅，小火焖饭

dà huǒ kāi guō, xiǎo huǒ mèn fàn

Semua kerja perlu dibuat secara berperingkat-peringkat.

Api di hadapan orang, asap di belakang orang.

面前起火，背后冒烟

miàn qián qǐ huǒ, bèi hòu mào yān

Sukar membuat keputusan.



Api dipadam apabila berlaku, salah dibaiki apabila berjumpa.

火灾要在发生时扑灭，缺点要在发现时改掉
huǒ zāi yào zài fā shēng shí pū miè, quē diǎn yào zài fā xiàn shí gǎi diào

Kesalahan harus diperbetulkan serta-merta.

Api dipadam daripada kecil, pokok dicantas daripada renek.

火从小时救，树从小时修
huǒ cóng xiǎo shí jiù, shù cóng xiǎo shí xiū
 Basmilah kejahatan itu daripada peringkat awal lagi.

Api kecil boleh memusnahkan hutan besar.

星星之火，可以燎原
xīng xīng zhī huǒ, kě yǐ liáo yuán
 Perkara yang kecil boleh meninggalkan kesan yang sangat buruk.

Api lawan api, air lawan air.


以火救火，以水救水
yǐ huǒ jiù huǒ, yǐ shuǐ jiù shuǐ
 Menentang sekeras-kerasnya.

Api membakar kening, pisau memotong jari.

火烧眼眉毛，刀切手指头
huǒ shāo yǎn méi mao, dāo qiē shǒu zhǐ tóu
 Dalam kesusahan dan tidak dapat melakukan apa-apa.

Arang dibilas masakan jadi jed putih.

煤块用水冲洗，也不会变成白玉
méi kuài yòng shuǐ chōng xǐ, yě bú huì biàn chéng bái yù
 Tabiat buruk sukar diubah.



KOLEKSI PERIBAHASA CHINA TERINDAH

Sebagai bangsa yang telah mencapai usia ketamadunan yang mencecah 5,000 tahun, China mempunyai khazanah falsafah yang kaya. Pemikiran tajam ini telah dipersembahkan melalui pelbagai bentuk dalam bahasa China, terutamanya peribahasa. *Koleksi Peribahasa China Terindah* memuatkan 2,500 peribahasa China terpilih untuk tatapan dan renungan masyarakat Melayu. Koleksi ini memaparkan peribahasa China beraneka tema yang sesuai dijadikan pengajaran dan peringatan demi keharmonian dan kesejahteraan insan sejagat. Dengan wujudnya koleksi ini, pembaca dapat meluaskan horizon pemikiran, sekali gus mencambahkan idea yang tuntas dalam pelbagai bidang penglibatan. Melalui buku ini, khazanah kepustakaan Melayu bukan sahaja dapat diperkaya, malahan jaringan komunikasi antara budaya China dengan Melayu turut dapat diperkukuh.

Goh Sang Seong berkelulusan doktor falsafah dalam bidang pengajian penterjemahan. Beliau giat menjalankan penyelidikan tentang penterjemahan bahasa Cina-Melayu dari aspek budaya dan bahasa. Buku terkini beliau adalah *Bahasa Cina-Bahasa Melayu: Kebolehterjemahan Budaya*.



ISBN 978-983-861-827-4



9 789838 618274